



KENYATAAN MEDIA

LAWATAN KERJA YB MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN KE LOJI PEMROSESAN SARANG BURUNG WALET

KUALA LUMPUR, 24 Jun -- Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) YB Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, hari ini telah meninjau operasi di loji pemprosesan sarang burung walet PT Swift Marketing Sdn Bhd bagi memastikan operasi loji-loji ini yang terlibat dalam pasaran eksport tidak terganggu dan berterusan sepanjang masa.

Loji ini adalah antara yang berdaftar dengan pihak General Administration of Customs of People's Republic of China (GACC) yang telah diberi kelulusan untuk mengeksport sarang burung walet mentah yang telah bersih ke negara tersebut. Sehingga tahun 2021, sebanyak 41 loji telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negara China iaitu 38 loji sarang burung walet bersih (EBN-RC) dan 3 buah loji sarang burung walet belum bersih (EBN-RUC).

Bagi memenuhi protokol eksport sarang burung walet ke negara China, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah mengakreditasi dan memberi pentauliahan persijilan *Veterinary Health Mark* (VHM) kepada 30 loji pemprosesan dan bagi persijilan *Good Veterinary Hygiene Practice* (GVHP) sebanyak 44 loji pemprosesan. Sebanyak 2,905 buah rumah burung walet telah berjaya mempunyai persijilan MyGAP.

Dr Ronald berkata MAFI sentiasa menggalakkan pengeksportan produk-produk sarang burung walet ke luar negara bagi meningkatkan nilai eksport produk dan daya saing industri ini secara keseluruhannya.

Tambah beliau, pada tahun 2019, jumlah eksport adalah sebanyak 5,654 tan metrik bernilai RM1.154 bilion dan dilihat sebagai antara industri berasaskan ternakan yang menjadi penyumbang besar kepada ekonomi negara. Manakala, pada tahun 2020, jumlah eksport adalah sebanyak 3,640 tan metrik bernilai RM 1.385 bilion.

Sehingga April 2021, eksport telah mencecah sebanyak 962 tan metrik dengan nilai RM714 juta menunjukkan eksport komoditi ini kekal kukuh terutamanya di kala negara masih mengharungi penularan pandemik COVID-19.

MAFI melalui DVS sebelum ini juga berjaya mewujudkan satu Program Sistem Pendaftaran Premis Walet yang dikenali sebagai METS (*Malaysia EBN Traceability System*) bagi mengukuhkan sistem daya jejak bagi mencapai

piawaian global serta menjadi salah satu syarat dalam pengeksportan sarang burung walet Malaysia ke negara China.

DVS mengambil pelbagai langkah untuk terus meningkatkan pengeluaran *Edible Bird Nest* (EBN) melibatkan aktiviti dalam semua rantai nilai dalam industri EBN iaitu pengeluaran sarang burung walet, pengumpulan, pemprosesan dan pemasaran.

Ini termasuk mengalakkan pendaftaran premis walet dengan DVS bagi tujuan pemantauan. Secara keseluruhannya, sebanyak 12,954 premis walet telah didaftarkan oleh DVS di seluruh negara setakat ini.

DVS sentiasa memantau industri ini bagi mengelakkan penyalahgunaan sumber produk tiruan dan mengamalkan urus tadbir industri yang diiktiraf oleh negara pengimport.

Dalam hal ini, DVS sentiasa bekerjasama dengan pemain industri dengan pihak berkuasa dalam dan luar negara bagi memastikan industri ini beroperasi mengikut peraturan yang ditetapkan.

Ini adalah penting supaya syarikat/loji pemprosesan dalam negara memenuhi spesifikasi, syarat dan piawaian yang telah ditetapkan oleh negara pengimport dan seterusnya layak membuat permohonan bagi tujuan pengeksportan.

DVS juga telah mengambil inisiatif mengadakan kursus-kursus yang berkaitan dengan *Good Manufacturing Practice* (GMP) untuk dihadiri oleh pihak pemprosesan sarang burung walet supaya loji pemprosesan menepati kehendak kualiti terutamanya pengauditan oleh pihak Kerajaan Negara China yang mana pengimport utama sarang burung walet.

Sektor pertanian, penternakan, perikanan serta industri makanan akan terus dibenarkan beroperasi selaras dengan SOP MKN dalam Fasa 2, Fasa 3 dan Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara.

MAFI akan memastikan operasi sektor ini tanpa sebarang gangguan bagi menjamin kelangsungan rantai ekonomi serta pengusaha yang terlibat.

Sehingga 23 Jun 2021, MAFI melalui Jabatan dan Agensi dibawahnya telah mengeluarkan sebanyak 105,869 surat kebenaran keterlibatan dalam sektor pertanian tidak formal (informal) termasuk aktiviti rantai pembekalan dan pemasaran berkaitan keperluan makanan.

Turut hadir pada lawatan kerja ini, Timbalan I MAFI Datuk Seri Ahmad Hamzah dan Ketua Pengarah DVS Datuk Dr. Norlizan Mohd Noor.

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
24 JUN 2021**